

BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD

NOTA PANDUAN 9

KEHENDAK UNTUK PENGARAH DAN PENANDATANGAN AKUAN BERKANUN UNTUK AKAUN

Perincian	Rujukan Silang
Tarikh kuat kuasa:	3 Julai 2006 Kaedah 1.01, 9.27, 15.06, 15.07 dan 15.09
Tarikh semakan:	3 Ogos 2009, 1 Jun 2013, 13 Julai 2015, 2 Januari 2018, 1 Oktober 2020

1.0 Pengenalan

- 1.1 Pengarah yang dilantik untuk bertindak sebagai "pengarah bebas" dari pemohon atau perbadanan tersenarai mesti memenuhi takrif "pengarah bebas" yang dinyatakan dalam Kaedah 1.01 Kehendak-kehendak Penyenaraian ("**takrif tersebut**"). Takrif tersebut dibaca seperti berikut:

*"**pengarah bebas**" ertinya pengarah yang bebas daripada pengurusan dan bebas dari apa-apa perniagaan atau perhubungan lain yang boleh mengganggu pelaksanaan pertimbangan bebas atau kemampuan untuk bertindak demi kepentingan terbaik pemohon atau perbadanan tersenarai. Tanpa mengehadkan keluasan makna perkara di atas, pengarah bebas adalah orang yang -*

- (a) *adalah bukan pengarah eksekutif dari pemohon, perbadanan tersenarai atau mana-mana perbadanan yang berkaitan dari pemohon atau perbadanan tersenarai tersebut (setiap perbadanan disebut sebagai "**Perbadanan tersebut**");*
- (b) *adalah bukan dan tidak pernah dalam 3 tahun yang terakhir, seorang pegawai (kecuali sebagai pengarah bebas) Perbadanan tersebut. Bagi tujuan ini, "**pegawai**" mempunyai erti yang diberikan dalam seksyen 2 Akta Syarikat;*
- (c) *adalah bukan pemegang syer utama Perbadanan tersebut;*
- (d) *adalah bukan ahli keluarga mana-mana pengarah eksekutif, pegawai atau pemegang syer utama Perbadanan tersebut;*
- (e) *adalah bukan bertindak sebagai penama atau wakil mana-mana pengarah eksekutif atau pemegang syer utama Perbadanan tersebut (perenggan ini disebut sebagai "**perenggan (e)**");*
- (f) *tidak pernah terlibat sebagai penasihat oleh Perbadanan tersebut dalam keadaan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa, atau pada masa ini bukan seorang rakan kongsi, pengarah (kecuali sebagai pengarah bebas) atau pemegang syer utama, dalam kes yang berkenaan, dari firma atau perbadanan yang memberikan*

Nota Panduan 9
Kehendak untuk Pengarah dan Penandatanganan
Akuan Berkanun untuk Akaun

perkhidmatan nasihat profesional kepada Perbadanan tersebut dalam keadaan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa (perenggan ini disebut sebagai "perenggan (f)");

(g) *tidak pernah terlibat dalam apa-apa transaksi dengan Perbadanan tersebut dalam keadaan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa, atau pada masa ini bukan rakan kongsi, pengarah atau pemegang syer utama, dalam kes yang berkenaan, dari firma atau perbadanan (selain dari subsidiari pemohon atau perbadanan tersenarai) yang pernah terlibat dalam apa-apa transaksi dengan Perbadanan tersebut dalam keadaan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa (perenggan ini disebut sebagai "perenggan (g)").*

1.2 Menurut Kaedah 9.27 Kehendak-kehendak Penyenaian, pengarah atau orang yang bertanggungjawab secara utama untuk pengurusan kewangan dari perbadanan tersenarai, dalam kes yang berkenaan, yang menandatangani akuan berkanun menurut seksyen 251(1)(b) Akta Syarikat ("**Penandatanganan**") mesti memenuhi kehendak yang ditetapkan di dalam seksyen itu ("**kelayakan diperlukan**").

1.3 Selanjutnya, Kaedah 15.09 Kehendak-kehendak Penyenaian juga menyatakan bahawa sekurang-kurangnya 1 anggota jawatankuasa audit mesti memenuhi kelayakan diperlukan itu ("**anggota jawatankuasa audit tersebut**").

1.4 [Dipotong].

1.5 [Dipotong].

1.6 Nota Panduan ini menjelaskan yang berikut:

(a) aspek tertentu dari takrif tersebut; dan

(b) kelayakan diperlukan berhubung penandatanganan dan anggota jawatankuasa audit tersebut.

(c) [dipotong].

I. KEBEBASAN PARA PENGARAH

2.0 Am

2.1 Pengarah mesti menerapkan semangat, hasrat dan tujuan takrif tersebut. Sekiranya seseorang tidak termasuk dalam mana-mana perenggan (a) ke (g) takrif tersebut, itu tidak bererti bahawa orang itu akan secara automatik layak menjadi seorang pengarah bebas. Pengarah berkenaan begitu juga lembaga pengarah dari pemohon atau perbadanan tersenarai juga mesti membuat ujian sama ada pengarah tersebut berupaya untuk melaksanakan pertimbangan bebas dan bertindak demi kepentingan terbaik pemohon atau perbadanan tersenarai sebagaimana yang dinyatakan dalam takrif tersebut.

2.2 Perenggan 3.0 ke 5.0 Nota Panduan ini mesti dibaca bersama dengan takrif tersebut.

3.0 Perenggan (e)

3.1 "**Penama**" seperti yang digunakan dalam perenggan (e) ertinya orang yang telah ditugaskan untuk bertindak untuk orang lain di tempatnya. Ini menunjukkan seseorang yang terbiasa,

Nota Panduan 9
Kehendak untuk Pengarah dan Penandatanganan
Akaun Berkanun untuk Akaun

atau adalah di bawah suatu kewajipan, sama ada formal atau tidak formal untuk bertindak selaras dengan petunjuk, arahan atau keinginan orang yang lain.

- 3.2 Penama atau wakil pemegang syer utama yang memenuhi semua kehendak dari takrif "pengarah bebas" kecuali untuk perenggan (e) tersebut, Walaubagaimana pun boleh dianggap sebagai "pengarah bebas" jika -
- (a) pemegangan agregat pegangan syer utama di dalam Perbadanan tersebut, secara langsung atau tidak langsung, adalah tidak melebihi 15% dari jumlah bilangan syer yang diterbitkan (tidak termasuk syer perbendaharaan) dari Perbadanan tersebut;
 - (b) pemegang syer utama adalah tidak dianggap sebagai penganjur dari Perbadanan tersebut; dan
 - (c) pemegang syer utama adalah sama ada -
 - (i) sebuah institusi berkanun yang menguruskan dana milik awam; atau
 - (ii) sebuah entiti yang ditubuhkan sebagai skim pelaburan kolektif, seperti dana tertutup, unit amanah atau dana pelaburan (tetapi tidak termasuk perbadanan pemegangan pelaburan).

4.0 Perenggan (f)

- 4.1 Berhubung perenggan (f), seseorang yang dicadangkan untuk menjadi atau adalah seorang pengarah bebas ("**Pengarah tersebut**") adalah didiskualifikasikan dari menjadi seorang pengarah bebas jika dia -
- (a) secara peribadi telah memberikan perkhidmatan nasihat profesional kepada Perbadanan tersebut dalam 3 tahun terakhir; atau
 - (b) adalah pada masa ini seorang rakan kongsi, pengarah (kecuali sebagai pengarah bebas) atau pemegang syer utama, dari firma atau perbadanan ("**Entiti**") yang telah memberikan perkhidmatan nasihat profesional kepada Perbadanan tersebut dalam 3 tahun terakhir,

dan balasan secara agregat adalah lebih daripada 5% dari pendapatan kasar secara penyatuan (jika berkenaan) dari Pengarah atau Entiti tersebut, atau RM1 juta, mana yang lebih tinggi.

- 4.2 Bagi maksud perenggan 4.1 di atas, yang berikut terpakai:
- (a) jika Entiti adalah sebuah perbadanan, pengiraan pendapatan kasar Entiti mesti berdasarkan penyata kewangan teraudit tahunannya untuk 3 tahun kewangan terakhir; dan
 - (b) jika perkhidmatan itu diberikan oleh Pengarah tersebut secara peribadi atau oleh sebuah Entiti yang selain daripada sebuah perbadanan, pengiraan pendapatan kasar mesti berdasarkan pada pulangan cukai pendapatan dari Pengarah atau Entiti tersebut, dalam kes berkenaan, yang diserahkan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk 3 tahun terakhir.

Nota Panduan 9
Kehendak untuk Pengarah dan Penandatanganan
Akaun Berkanun untuk Akaun

5.0 Perenggan (g)

5.1 Berhubung perenggan (g), Pengarah tersebut adalah didiskualifikasikan dari menjadi pengarah bebas jika dia -

- (a) telah terlibat secara peribadi dalam transaksi dengan Perbadanan tersebut (selain dari untuk perkhidmatan lembaga sebagai pengarah bebas) dalam 3 tahun terakhir; atau
- (b) adalah pada masa ini seorang rakan kongsi, pengarah, pemegang syer utama, Entiti (selain dari subsidiari dari pemohon atau perbadanan tersenarai) yang telah terlibat dalam transaksi dengan Perbadanan tersebut dalam 3 tahun terakhir,

dan balasan secara agregat melebihi 5% dari pendapatan kasar secara penyatuan (jika berkenaan) dari Pengarah atau Entiti tersebut, atau RM1 juta, mana yang lebih tinggi.

5.2 Walaubagaimana pun, "**transaksi**" dalam perenggan 5.1 di atas tidak termasuk transaksi -

- (a) dalam terma komersial biasa dilakukan antara Perbadanan dan Pengarah tersebut atau antara Perbadanan tersebut dan Entiti di mana Pengarah tersebut juga merupakan pengarah, pemegang syer utama atau rakan kongsi -
 - (i) untuk kegunaan peribadi Pengarah tersebut; atau
 - (ii) untuk pelaburan peribadi Pengarah tersebut tetapi bukan bagi tujuan menjalankan perdagangan atau perniagaan;
- (b) dalam terma komersial biasa yang dilakukan antara Perbadanan tersebut dan sebuah Entiti di mana Pengarah tersebut juga adalah merupakan seorang pengarah (dan bukan pemegang syer utama) tetapi tidak terlibat dalam transaksi tersebut;
- (c) untuk barangan dan perkhidmatan berikut, dengan syarat ia dijual atau diberikan berdasarkan harga tetap atau kadar tidak boleh runding, yang diterbitkan atau disebut harga secara terbuka dan terma-terma material termasuk harga atau caj dikenakan secara konsisten kepada semua pelanggan atau kelas pelanggan:
 - (i) pemberian atau penggunaan perkhidmatan utiliti awam seperti air, elektrik dan telekomunikasi dan data, perkhidmatan pos atau kurier, perkhidmatan oleh orang berlesen seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (selain dari perkhidmatan nasihat profesional yang tertakluk kepada perenggan 4.1 di atas), insurans, unit amanah, perkhidmatan broker saham, pengangkutan awam, pendidikan, perkhidmatan perubatan, penyediaan atau penggunaan lebuh raya bertol, kemudahan hotel dan perkhidmatan rekreasi, penyediaan atau penggunaan bahan bakar runcit atau makanan dan minuman di restoran, pemberian atau pembelian barangan di kedai runcit seperti pasar raya, pasar raya besar atau gedung serbaneka; dan
 - (ii) jenis barangan atau perkhidmatan lain sedemikian yang boleh ditetapkan oleh Bursa dari semasa ke semasa.

5.3 Bagi maksud perenggan 5.1 di atas, yang berikut terpakai:

- (a) jika Entiti adalah sebuah perbadanan, pengiraan pendapatan kasar Entiti mesti berdasarkan penyata kewangan teraudit tahunannya untuk 3 tahun kewangan terakhir;

Nota Panduan 9
Kehendak untuk Pengarah dan Penandatanganan
Akaun Berkanun untuk Akaun

- (b) jika transaksi dilakukan oleh Pengarah tersebut secara peribadi atau oleh sebuah Entiti selain dari sebuah perbadanan, pengiraan pendapatan kasar mesti berdasarkan pada pulangan cukai pendapatan dari Pengarah atau Entiti tersebut, dalam kes berkenaan, yang diserahkan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk 3 tahun terakhir.

II. KELAYAKAN DIPERLUKAN UNTUK PENANDATANGAN DAN ANGGOTA JAWATANKUASA AUDIT TERSEBUT

6.0 Am

- 6.1 Perenggan 7.0 Nota Panduan ini mesti dibaca bersama-sama Kaedah 9.27 dan 15.09 Kehendak-kehendak Penyenaian.

7.0 Kelayakan diperlukan

- 7.1 Bagi maksud Kaedah 9.27(c) dan 15.09(1)(c)(iii) Kehendak-kehendak Penyenaian, adalah ditetapkan bahawa kelayakan berikut juga boleh diterima:

- (a) salah satu dari kelayakan berikut dan sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman pasca kelayakan dalam bidang perakaunan atau kewangan:
- (i) ijazah/sarjana/kedoktoran dalam perakaunan atau kewangan; atau
 - (ii) anggota mana-mana organisasi perakaunan profesional yang telah diterima masuk sebagai anggota penuh Persekutuan Akauntan Antarabangsa;

atau

- (b) sekurang-kurangnya 7 tahun pengalaman sebagai ketua pegawai kewangan dari sebuah perbadanan atau mempunyai fungsi tanggungjawab secara utama untuk pengurusan hal ehwal kewangan dari sebuah perbadanan.

III. SEKATAN DALAM BILANGAN PERJAWATAN PENGARAH

[Dipotong].